

**ISU BERKAITAN HADITH LEMAH (*DA’IF*) MENURUT
PANDANGAN AL-SHAYKH MUHAMMAD
‘AWWĀMAH DALAM KITAB ḤUKM AL-‘AMAL
BI AL-HADĪTH AL-DA’IF: SATU ANALISIS**

Khadher Ahmad¹ & Ibrahim Adham Mohd Rokhibi²

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM
Emel: khadher82@um.edu.my

Abstrak: Perbincangan tentang hadith *da’if* (lemah) merupakan satu antara aspek yang mendapat liputan perbincangan yang luas dalam kalangan ulama hadith. Syaykh Muhammad ‘Awwamah melalui kitabnya *Ḥukm al-‘amal bi al-Hadīth al-Da’if* turut membincangkan secara terperinci berkaitan dengan hadith *da’if*. Beliau telah membuka dimensi baharu dalam perbincangan terhadap beberapa isu yang berkait dengan hadith *da’if* tersebut. Melalui analisia induktif dan deduktif, artikel ini bertujuan untuk membincangkan beberapa isu berkaitan hadith *da’if* yang dikemukakan oleh Syaykh ‘Awwamah melalui kitabnya *Ḥukm al-‘amal bi al-Hadīth al-Da’if*. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat lima (5) isu perbincangan berkaitan dengan hadith *da’if* yang dikemukakan iaitu [1] Isu Menyamakan Hadith *Da’if* Dengan Hadith *Mawḍū’*; [2] Isu Pemakaian Hadith *Da’if* Dalam Penghujahan; [3] Isu Penolakan Total Hadith *Da’if* Dalam Semua Aspek; [4] Isu Kempen “Semak Status Hadith Sebelum Sebar” dan [5] Isu Bermudah-mudah Dalam Menetapkan Ke*da’ifan* Sesuatu Hadith. Perbincangan terhadap keseluruhan isu ini adalah berasaskan kepada kerangka metodologi beliau yang tersendiri yang mempunyai asas yang kukuh serta sikap berhati-hati beliau dalam mengemukakan pandangan dan pendapat. Diharapkan pandangan beliau ini menjadi dimensi baharu dalam perbincangan dan penyelidikan dalam bidang hadith.

Kata kunci: Syeikh ‘Awwamah, *Hukm al-‘amal bi al-Hadīth al-Da’if*, *Da’if* (lemah) & *Mawḍū’* (palsu).

PENGENALAN

Perbincangan terhadap hadith *da’if* (lemah) dan *mawḍū’* (palsu) merupakan topik utama yang dititik beratkan dalam kalangan ulama hadith. Bahkan, perbincangan terhadap isu ini menjadi sub topik dalam perbincangan terhadap ‘Ulum al-Hadith. Perbezaannya lebih kepada fokus perbincangan terhadap aspek yang diberikan penekanan dalam perbahasan yang dikemukakan dalam karya dan penulisan-penulisan mereka.

Dalam pada itu, penulisan ‘Ulum al-Hadith juga menjadi aspek yang penting diberikan perhatian dalam kalangan ulama hadith dalam usaha untuk memelihara autoriti hadith sebagai sumber perundangan dan syariat Islam yang utama selepas al-Quran. Dengan sebab itu, bagi memastikan amalan-amalan umat Islam terus terpelihara daripada sebarang bentuk penyelewengan, para ulama bertungkus lumus dalam meletakkan garis

¹ Pensyarah Kanan, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. Emel: khadher82@um.edu.my.

² Pelajar Ijazah Tinggi Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

panduan yang perlu sangat penting dalam proses penerimaan dan penyebaran hadith-hadith Nabi SAW. Bahkan, ia merupakan tradisi para Sahabat baginda SAW yang merupakan golongan terawal dalam usaha pemeliharaan hadith dan sunnah Nabi SAW. Tujuan dan matlamat utama adalah untuk memelihara hadith dan sunnah serta membanteras segala bentuk usaha penyelewengan daripada musuh-musuh Islam yang mahu menimbulkan keraguan dalam kalangan umat Islam.

Justeru, dalam proses pemeliharaan hadith dan sunnah itu, para ulama menghasilkan pelbagai karya bagi memberikan penjelasan yang konkret terhadap kedudukan hadith dan sunnah tersebut. Shaykh Muḥammad ibn Muḥammad ‘Awwāmah adalah merupakan salah seorang ulama semasa yang terlibat dalam usaha ini dan beliau banyak menulis tentang hadith dan Sunnah. Kitab *Hukm al-‘Amal Bi al-Hadith al-Da‘īf* adalah merupakan salah satu kitab yang cuba membawa dimensi baharu dalam perbincangan terhadap hadith *da‘īf* (lemah) dan *mawdū‘* (palsu) dalam perbincangan ‘Ulum al-Hadith yang dikaitkan dengan keperluan realiti semasa kini.

SKOP DAN METODOLOGI

Artikel ini bertujuan untuk meneliti dan menjelaskan pandangan Shaykh Muḥammad ibn Muḥammad ‘Awwāmah terhadap hadith *da‘īf* (lemah) dan *mawdū‘* (palsu) melalui karya beliau lengkapnya *Hukm al-‘Amal bi al-Hadith al-Da‘īf Bain Nadhariyyah wa al-Tatbīqiyyah wa al-Da‘awā*. Dengan menggunakan pendekatan analisis induktif dan deduktif, penelitian dilakukan terhadap karya beliau tersebut bagi mengeluarkan beberapa pandangan semasa beliau terhadap isu berkenaan dengan hadith *da‘īf* (lemah) dan *mawdū‘* (palsu). Justifikasi kepada penelitian terhadap pandangan beliau adalah kerana, beliau merupakan antara ulama kontemporari yang telah membuka ruang baharu dalam perbincangan terhadap hadith *da‘īf* dan *mawdū‘*. Beliau tidak lagi terikat dengan pandangan ulama klasik tetapi tidak bermakna beliau menolak pandangan tersebut, tetapi lebih kepada garapan idea baharu serta mengetengahkan idea lama yang sesuai dengan keperluan realiti pada hari ini dalam usaha membetulkan salah faham yang telah berleluasa dalam masyarakat kini.

KITAB HUKM AL-‘AMAL BI AL-HADĪTH AL-DA‘ĪF

Latar Belakang Kitab *Hukm al-‘Amal Bi al-Hadith al-Da‘īf*

Kitab *Hukm al-‘Amal Bi al-Hadith al-Da‘īf* atau nama lengkapnya *Hukm al-‘Amal bi al-Hadith al-Da‘īf Bain Nadhariyyah wa al-Tatbīqiyyah wa al-Da‘awā* adalah tulisan seorang tokoh hadith kontemporari iaitu Shaykh Muḥammad ibn Muḥammad ‘Awwāmah. Kitab ini telah diterbitkan pada Januari 2017 di Jeddah, Madinah al-Munawwarah yang dihasilkan bersama-sama 6 buah kitab lain yang saling berkesinambungan perbahasannya. Kitab ini mempunyai 240 halaman yang memuatkan di dalamnya perbahasan-perbahasan

yang berkaitan dengan hukum beramal dengan hadith da‘īf dan topik-topik yang berkaitan dengan hadith da‘īf. Manakala, lagi 32 helaian halaman adalah bibliografi dan rujukan serta halaman untuk isi kandungan kitab. Secara keseluruhannya penulisan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah ini mengandungi 13 topik perbahasan melalui 7 kitab (topik utama) dan salah satunya ialah perbincangan tentang hukum beramal dengan hadith da‘īf.


Mawlana Abdullah Amir menceritakan bahawa dalam dialog dengan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah ketika berada di Malaysia tahun 2018, Shaykh ‘Awwāmah menyebutkan bahawa kitab *Hukm al-‘amal bi al-Hadith al-Da‘īf* telah lama ditulis dan ianya hanya baru diterbitkan secara meluas pada Januari 2017. Kitab ini merupakan cetakan pertama dan ianya telah dicetak oleh pusat percetakan Dār al-Minhāj lil Nashar wa al-Tawdīh³ dengan kerjasama Dār al-Yusr lil Nashar. Hampir keseluruhan karya Shaykh ‘Awwāmah di cetak oleh kedua-dua pusat percetakan ini. Tambahan pula, pusat percetakan ini adalah merupakan diantara tempat percetakan yang menghasilkan percetakan kitab yang amat baik berbanding cetakan lain seperti Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.

Penulisan kitab ini berlaku adalah kerana Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah melihat dunia sekarang ini terlalu mudah menolak hadith da‘īf secara pukal. Walhal, mereka baru mengkaji dan meneliti pada sanad, untuk menetapkan status hadith bukan hanya perlu diteliti pada sanad semata tetapi ianya juga perlu dan mesti melihat juga kepada matan. Hal ini kerana, kecacatan sesuatu hadith itu boleh jadi terletak pada sanad dan juga boleh jadi terletak pada matan. Bahkan, perkara ini turut melanda golongan agamawan terutama dalam sarjana hadith. Kemungkinan hal ini berlaku kerana kegopohan sesetengah sarjana hadith dalam menilai sesuatu hadith disebabkan tidak berhati-hati dalam melakukan rujukan kepada sesuatu ilmu terhadap sesuatu permasalahan hadith. Sedangkan para ulama telah menetapkan metodologi yang jelas dalam berinteraksi dengan hadith sahīh, ḥasan mahupun da‘īf hatta mawdū’.

Oleh itu, kemunculan kitab *Hukm al-‘Amal Bi al-Hadīth al-Da‘īf* adalah salah satu usaha Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah untuk memberi gambaran semula terhadap cara benar beramal dengan hadith da‘īf menurut ulama terdahulu bermula dengan zaman Sufyān al-Thawrī (w.161H) sehingga kepada intelektual pada zaman kurun ketiga. Kemudian, di dalam kitab ini juga mempunyai perbahasan mengenai golongan-golongan yang menolak secara total hadith da‘īf dan permasalahan-permasalahan yang berkait dengan isu hadith da‘īf.

³ Kebiasaannya kitab yang dicetak oleh Dār al-Minhāj berkualiti dan harganya lebih mahal. Antara pusat percetakan kitab arab lain yang setanding dengan Dār al-Minhāj ialah Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, Dār Ibn Jawzī, Dār al-Qalam dan beberapa lagi cetakan terbaik bagi kitab-kitab arab.

Rajah 1.0: Kitab *Hukm al-Amal bi al-Hadith al-Da'if Baina Nadhariyyah wa al-Ta'tibiqiyah wa al-Da'awā.*



Fokus Utama Perbincangan Kitab

Kitab *Hukm al-Amal Bi al-Hadith al-Da'if* membincangkan tentang bagaimana untuk berinteraksi dengan hadith ḏa'if mengikut metode para ulama. Namun begitu, kitab ini mengandungi 3 aspek pengajaran yang utama iaitu [Pertama] Hadith ḏa'if boleh diamalkan sekiranya ianya bukan *mawdū'*, walaupun tanpa menyebut ḏa'if nya di tahap mana. Maka boleh meriwayatkan untuk beramal dengannya. [Kedua], Boleh beramal dengan Hadith ḏa'if pada bab-bab tertentu dalam ilmu seperti bab *fadā'il*, *al-targhib* wa *al-tarhib* dan seumpamanya. [Ketiga], Boleh diamalkan kerana boleh jadi ianya sahih pada batin, maka *disebabkan itu ulamā'* membolehkan beramal dengan ḏa'if. Daripada keseluruhan aspek ini pula Shaykh 'Awwāmah telah memfokuskan lagi perbincangan terhadap aspek ketiga yang menjadi satu perbahasan utama yang diketengahkan oleh beliau dalam kitab ini.

Kemudian, beliau akan menerangkan pertama tentang *al-Iḥtimāl*⁴ (kemungkinan). Menurut beliau, *al-Iḥtimāl* terbahagi kepada dua bahagian iaitu 'aqlī dan wāqi'i. *Al-Iḥtimāl al-Aqlī* bukanlah hanya membincangkan sekadar seseorang perawi ḏa'if itu akan selamanya melakukan kesilapan dan perawi yang *thiqāh* itu selamanya tidak melakukan

⁴ Perbincangan mengenai *al-Iḥtimāl* belum pernah dan mungkin tidak begitu meluas dibincangkan dalam perbahasan ilmu 'Ulum al-Hadīth masa kini. Jadi Shaykh Muḥammad 'Awwamah telah menjenamakan semula perbahasan ini dalam kitab beliau.

kesilapan, akan tetapi perbincangan ini lebih daripada itu.⁵ Adapun *al-Iḥtimāl* yang menjadi fokus utama perbincangan kitab ini ialah *al-Iḥtimāl* yang kedua iaitu wāqi‘ī. *Al-Iḥtimāl* wāqi‘ī ini mahu tidak mahu sesiapa sahaja yang menyandarkan sesuatu kepada suatu sandaran yang kuat, atau yang pertengahan, dan yang lemah maka inilah kemungkinan yang dimaksudkan di dalam kitab ini. Kemudian, beliau mendatangkan pandangan al-Imām Ibn Hajar al-‘Asqalānī di dalam *Al-Nukat ‘ala Kitāb Ibn Salāh* yang telah menukikan pandangan al-Imām al-Sakhawī dalam *Qawl al-Badī’* bahawa al-Imām Ibn Salāh menyebutkan seperti berikut:

بخلاف الأحاديث الضعيفة التي يُحتمل صدقها في الباطن

Terjemahan: *Kebarangkalian hadith ḏa‘īf tersebut membawa makna yang benar.*

Huraiannya, jika terdapat kemungkinan seperti ini maka hadith tersebut menjadi dalil dan boleh beramal dengannya.

Seterusnya, beliau menerangkan pula tentang *al-Iḥtimāl* (kemungkinan) ḏa‘īfnya hadith sama ada hadith tersebut membawa ḏa‘īf yang ringan, atau ḏa‘īf yang sederhana, dan ḏa‘īf yang berat. Bagi mengetahui keḍā‘īfan sesuatu hadith maka para pengkaji amat bergantung kepada pandangan para ulama *al-Jarh wa al-Ta‘dīl*. Maka di pengakhiran pandangan para ulama *al-Jarh wa al-Ta‘dīl* dapat disimpulkan kepada 3 hukum, iaitu: [1] ḏa‘īf yang ringan [2], (ضعفاً ميسراً) dan [3] ḏa‘īf yang berat (ضعفاً شديداً).

Sebagaimana diketahui, sebab-sebab ḏa‘īfnya sesuatu hadith atau dikritik sesuatu hadith itu adalah kerana perkara-perkara yang berkait dengan **aspek keḍabitān** dan perkara-perkara yang merujuk kepada ke‘adilan seseorang perawi hadith.⁶ Jika sesuatu hadith dikritik kerana *al-dabt* maka kebiasaan hadithnya menjadi ḏa‘īf yang ringan, atau sederhana, dan jarang sekali menyebabkan hadith itu menjadi ḏa‘īf yang berat. Berdasarkan kaedah ini dapat digambarkan dengan dua perkara, iaitu: **Pertama:** Kalau nampak jelas kesilapan pada riwayat tersebut walaupun hanya pada satu hadith maka hadith ini bermasalah (kesilapan yang fatal) dan ditolak keseluruhannya, tidak boleh dikuatkan dan tidak boleh dijadikan sebagai hujjah. Hal ini kerana, riwayat atau hadith tersebut hampir-hampir seperti hadith *mawdū’*. **Kedua:** Sekiranya berlaku kesalahan yang banyak ketika meriwayatkan, dan buruk dari segi makna maka hadithnya adalah *Matrūk*, dan *Matrūk* adalah bahagian daripada ḏa‘īf yang berat.

⁵ Bahkan, ia tidak boleh dilihat secara terus dan mengeluarkan penyelesaian bahawa seseorang itu tidak boleh diambil hadith darinya. Melainkan perkara itu wajib bagi akal dan mustahil bagi akal maka ia tidak lagi berada dalam perbincangan *al-Iḥtimāl* dan terus boleh ditetapkan hukumnya.

⁶ Muhammad ‘Awwamah, *Hukm al-‘Amal bi al-Hadith al-Ḍa‘īf*, 19.

Sekiranya sesuatu hadith itu dipertikai kerana **al-'Adālah al-Rāwī** maka kesemuanya adalah **da'if** yang berat dan terkadang beratnya itu boleh sampai ke taraf **al-Mawdū'**.⁷

Justeru itu, kepentingan daripada perbincangan utama kitab ini pengkaji dapat memahami bahawa bagaimana perbahasan para ulama hadith dalam menentukan sama ada sesuatu hadith **da'if** itu boleh beramat dengannya atau sebaliknya. Sesungguhnya perkara ini tidaklah semudah yang disangka oleh segelintir golongan yang mendakwa bahawa kesemua hadith **da'if** itu ditolak secara total dalam pengamalan.

HASIL KAJIAN

Analisis Isu-Isu Hadith **Da'if Berasaskan Pemikiran al-Shaykh Muḥammad 'Awwāmah**

Pemikiran Shaykh 'Awwāmah dibentuk berdasarkan latar belakang pengajian beliau. Beliau banyak berguru dengan ulama-ulama hadith yang mempunyai pemikiran yang sederhana iaitu tidak bermudah-mudah dan tidak memberatkan ke atas sesuatu isu selagi mana isu tersebut masih boleh diperbincangkan. Maka, begitu jugalah sikap Shaykh 'Awwāmah yang mengikuti jejak langkah para gurunya dalam meneliti sesuatu isu.

Pemikiran beliau yang sederhana dan tidak keras ini telah menyumbang kepada lahirnya pendekatan-pendekatan beliau yang seimbang dalam mendepani isu-isu yang berlaku terutamanya isu hadith **da'if** yang sedang difokuskan dalam kajian ini. Pengkaji juga cenderung kepada pemikiran yang sederhana sebagaimana yang dilakukan oleh kebanyakan ulama.

Pertama: Isu Menyamakan Hadith **Da'if Dengan Hadith **Mawdū'****

Pada masa kini, terdapat pelbagai cabaran dalam masyarakat yang ingin kembali kepada *al-Sunnah*. Antara cabaran-cabaran tersebut, berlaku salah faham terhadap *al-Sunnah* iaitu isu menyamakan hadith **da'if** dengan **mawdū'**. Dalam konteks Malaysia, pengkaji mendapati banyak pandangan yang mengelirukan tentang perbahasan ilmu hadith sama ada dalam bentuk teori dan juga praktikal. Pandangan yang keliru dalam ilmu hadith ini telah dikemukakan oleh segelintir kelompok yang tidak bertanggungjawab dan mempunyai agenda yang tersendiri demi kebaikan kelompok mereka. Malah, menurut mereka pandangan tersebut berlandaskan pandangan ulama-ulama terdahulu dan juga kontemporari yang mengikut manhaj *Salaf al-Sālīh*.

⁷ *Ibid.*, 20.

Menurut Shyakh Muḥammad ‘Awwāmah hadith ḏa’īf masih dinisbahkan kepada baginda Nabi SAW sedangkan hadith mawdū’ (palsu) ialah pembohongan dan pendustaan semata-mata. Oleh kerana itu, beliau membahagikan hadith ḏa’īf kepada 4 pembahagian:⁸

- a. ḏa’īf yang ringan (ضعفاً يسيراً).
- b. ḏa’īf yang sederhana (ضعفاً متوسطاً).
- c. ḏa’īf yang berat (ضعفاً شديداً).
- d. Terkait perawi yang bersifat penipu dan suka memalsukan hadith (الكذب و الوضع).

Dengan adanya pembahagian ini, jelaslah bahawa bukan semua hadith ḏa’īf itu perlu ditolak sebagaimana yang telah berlaku dalam masyarakat yang meletakkan ḏa’īf ini di dalam satu kelompok hadith-hadith yang tertolak sebagaimana mawdū’ (palsu). Melalui pembahagian ini, salah faham yang telah berlaku dalam masyarakat dapat diselesaikan dengan menerangkan semula kepada mereka bahawa hadith ḏa’īf itu masih terdapat perbicangan panjang yang mana ada kategori-kategori dan syarat-syarat yang mesti dilihat dan diteliti barulah ianya boleh diamalkan atau ditolak.

Isu ini perlu dijelaskan dan juga mesti dibendung agar masyarakat tidak terus berlarutan terjerumus ke dalam lembah dosa, kerana menafikan apa yang disabdakan oleh baginda Nabi SAW hanya kerana mereka tidak mengguna pakai hadith-hadith yang berstatus ḏa’īf dan menyamakan hadith ḏa’īf dengan mawdū’ (palsu).

Perlu diketahui bahawa hadith ḏa’īf suatu perkara yang berbeza dengan hadith mawdū’. Oleh kerana itu, hadith ḏa’īf tidak boleh ditolak dan disamakan ia dengan hadith mawdū’ (palsu). Ulama-ulama terdahulu tidak menolak hadith ḏa’īf dan menyamakan ia dengan hadith mawdū’¹⁰ sebagaimana yang dilakukan segelintir kelompok yang kononnya telah menjadi “pakar hadith” masa kini, malah keadaan ini menjadi semakin parah apabila ia menyentuh kepada pemahaman masyarakat awam. Walhal, kelompok ini mendakwa bahawa mereka telah mengikuti metodologi ulama hadith terdahulu yang menjaga *al-Qurān* dan *al-Sunnah* sedangkan dalam masa yang sama mereka juga tidak mengikuti metodologi ulama hadith terdahulu dalam menjaga *al-Qurān* dan *al-Sunnah*.¹¹ Pemikiran sebegini amat bahaya kerana ia akan membawa kepada timbulnya perkara-perkara yang tidak elok,

⁸ Muḥammad ‘Awwāmah, *Hukm al-‘Amal bi al-Hadith al-Ḍa’īf*, 32.

⁹ Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah menggambarkan bahawa ḏa’īf dan mawdū’ itu sesuatu yang amat berbeza. Boleh lihat muka surat 32.

¹⁰ Khalīl Ibrāhīm Mullā Khāṭīr al-‘Azzāmī, “Khuṭūrah Musāwāh al-Ḥadīth al-Ḍa’īf bi al-Mawdū’” (makalah, Seminar Hadith al-Sharīf dan Cabaran-cabarannya Masa Kini Peringkat Antarabangsa, Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab Dubai, 27-29 Mac 2005) 6-8.

¹¹ Penerangan dari Ustaz Adlan Abd Aziz.

antaranya menolak kewibawaan para ulama dalam agama, mengadakan benda baru dalam agama, dan sebagainya.

Kedua: Isu Pemakaian Hadith Da'if Dalam Penghujjahah

Al-Sunnah al-Nabawiyyah merupakan sumber kedua di dalam *Usūl al-Tashrī' al-Islāmī*.¹² Maka sesiapa yang beranggapan bahawa *al-Sunnah Nabawiyyah* atau hadith Nabi SAW terkeluar daripada *Tashrī' al-Aḥkam* dan hanya al-Qurān sahaja yang menjadi sumber hukum ini adalah sesuatu yang salah.¹³ Allah Taala berfirman dalam al-Qurān:

﴿...وَمَا أَتَيْكُمُ الْرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَأَنْهُوا...﴾

Surah al-Hashr 59: 7

Terjemahan: *Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah.*

Kemudian, Allah Taala berfirman lagi,

﴿....فَلَيَحِذِّرُ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴾٦٣

Surah al-Nūr 24: 63

Terjemahan: *Maka hendaklah orang-orang yang menyalahi perintah Rasul-Nya takut akan mendapat cubaan atau ditimpa azab yang pedih.*

Lagi firman Allah dalam al-Qurān,

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اطِّبِعُوا اللَّهَ وَاطِّبِعُوا الرَّسُولَ...﴾

Surah al-Nisā' 4: 59

Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya.*

Imam Mālik (w.179H) juga meriwayatkan dalam *al-Muwatta'* daripada Nabi SAW, baginda bersabda:¹⁴

﴿ثَرَكْتُ فِيهِمْ أَمْرِيْنِ، لَنْ تَضَلُّو مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ﴾

¹² Jalan atau cara untuk mengetahui hukum Allah taala dinamakan dengan al-Adillah al-Shar'iyyah, atau adillah al-Tashrī'. Dinamakan juga dengan Usūl al-Shar'i, atau Usūl al-Tashrī'. Untuk pendekatan boleh rujuk kitab *al-Wajīz fi Usūl al-Fiqh al-Islāmī* oleh al-Ustādh al-Duktūr Muḥammad Muṣṭafa al-Zuhaylī.

¹³ 'Abd al-Karīm bin 'Abdullah bin al-Rahmān al-Khuḍayr, *al-Hadīth al-Da'īf wa Ḥukm al-Iḥtijāj Bihi* (Riyāḍ: Dār al-Minhāj, 2004), 245.

¹⁴ Mālik bin Anas bin Mālik b. 'Āmir al-Asbāḥī al-Madānī, *Muwaṭṭa'* al-Imām Mālik, tāḥqīq. Muḥammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī (Beirūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1985), 2: 899.

Terjemahan: *Aku telah tinggalkan kepada kalian dua perkara, sekiranya kalian berpegeang dengannya maka tidak akan sesat iaitu kitab Allah dan sunnah nabi-Nya.*

Hasilnya jelas bahawa *al-Sunnah al-Nabawiyah* atau hadith boleh dijadikan hujjah, dan tidak beruntung bagi mereka yang tidak berpegang teguh dengan ajaran Islam.

Walapun begitu, yang menjadi isunya ialah bolehkah menggunakan hadith yang berstatus ḍa'īf dalam penghujjah? Apakah setiap hadith yang berstatus ṣaḥīḥ itu hujjah? Maka ulama berselisih pandangan pada penerimaan hadith ḍa'īf dalam persoalan yang berkaitan hukum-hakam dan Faḍā'il al-A'māl kepada tiga pendapat seperti berikut:

Pendapat Pertama:¹⁵ Setengah ulama berpandangan bahawa boleh beramal dengan hadith ḍa'īf secara mutlak sama ada dalam perkara halal dan haram, fardu dan wajib, faḍā'il, targhib dan tarhib dan selainnya berdasarkan dua syarat iaitu [1] Hadith tersebut tidak terlalu ḍa'īf. Sekiranya ḍa'īfnya berat maka ulama meninggalkan hadith tersebut keseluruhannya, dan [2] Tidak terdapat dalam bab ini hadith yang lain dan tidak terdapat hadith yang bertentangan dengannya.

Golongan ini berpandangan bahawa hadith ḍa'īf berkemungkinan benar, dan sekiranya tiada hadith yang lebih kuat yang bertentangan dengannya maka boleh beramal.

Ulama yang berpegang dengan pendapat ini adalah seperti **Imam Abū Ḥanīfah (w.150H)**, di mana Ibn Ḥazm menyebutkan hadith ḍa'īf lebih utama disisi Imam Abū Ḥanīfah daripada sesuatu pandangan dan qiyās sekiranya tidak terdapat hadith lain pada bab tersebut. Ibn Qayyim berkata bahawa Imam Abū Ḥanīfah membina mazhabnya dengan mendahulukan hadith ḍa'īf ke atas *qiyās*. Imam al-Sindī¹⁶ mengatakan bahawa hadith mursal menjadi hujjah ke atas kami (*al-Ḥanafiyah*) dan disisi jumhur.¹⁷ Manakala **Imam Mālik bin Anas (w.179H)** turut mendahulukan hadith *mursal, munqati'*, *al-Balāghāt*¹⁸, dan fatwa sahabat berbanding *qiyās*. Sebagaimana beliau menulis *al-Muwaṭṭa'* yang kebanyakan dalamnya dimuatkan dengan hadith-hadith *mursal* dan *munqati'*. Ibn 'Abd al-

¹⁵ 'Abd al-Karīm bin 'Abdullah bin 'Abd al-Rahmān al-Khuḍayr, *al-Hadīth al-Ḍa'īf wa ḥukm al-Iḥtijāj Bihi*, 249.

¹⁶ Beliau ialah Abū al-Ḥasan Nūr al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Hādī al-Ḥanafī al-Sindī, beliau juga digelar sebagai al-Kabīr al-Shaykh al-Muhaqqīq. Merupakan seorang muhaddith, faqīh, ḥāfiẓh, dan mufassir. Beliau anak kelahiran kota al-Sind dan banyak berguru dengan ulama dari tempat kelahiran beliau. Kemudian, beliau berhijrah ke al-Ḥaramayn dan menetap di Madinah dan berguru dengan ramai ulama dari dua kota suci ini. Meninggal pada tahun 1138H atau ada pandangan mengatakan pada 1139H. Abū al-Faḍl al-Marādī berkata, beliau adalah Shaykh yang hebat serta pakar dalam bidang hadith, fiqh, tafsīr, usūl al-fiqh, ma'ānī, mantīq, bahasa arab dan lain-lain.

¹⁷ Abū al-Ḥasan Nūr al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Hādī al-Ḥanafī al-Sindī, *Hāshiyah al-Sindī 'Ala Sunan al-Nasā'i* (ḥalab: Maktab al-Maṭbū'at al-Islāmiyyah, 1986), 104.

¹⁸ Al-Balāghāt ialah istilah yang membawa maksud meriwayatkan hadith tanpa menyebutkan perawinya. Oleh itu, ketika membaca *muwaṭṭa'* kita akan menjumpai banyak riwayat yang digunakan dengan perkataan “بلاغي”.

Bar berkata¹⁹ ini adalah asal Mazhab Imam Mālik dan pengikut mazhab al-Mālikī, sekiranya mursal itu dari golongan thiqah maka boleh berhujjah dan beramal denganannya bahkan wajib sebagaimana wajibnya berhujjah dan beramal dengan hadith yang *musnad*.²⁰ Kemudian, Imam Ibn al-'Arabī menyebutkan bahawa mazhab Imam Mālik tidak menerima hadith-hadith *mursal* melainkan daripada ahli Madinah.²¹ Kemudian, **Imam Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'i (w.204H)** juga menerima hadith-hadith mursal dengan bersyarat²² dan kadang-kadang dalam isu-isu yang terpencil beliau beramal dengan hadith ḏa'īf berbanding *qiyās*. Contohnya, beliau berhujjah dengan hadith pengharaman memburu burung unta (ḍa'īf) ke atas *qiyās*. Sedangkan **Imam Aḥmad bin Ḥanbal (w.241H)** antara ulama yang lantang pempertahankan pandangan ini sehingga Ibn al-Qayyim mengatakan bahawa beliau membina fatwa-fatwanya antaranya dengan hadith *mursal* dan hadith ḏa'īf sekiranya tiada hadith lain dalam sesuatu bab. Beliau juga mendahulukan hadith ḏa'īf ke atas *qiyās*. Perkara ini dikukuhkan dengan pandangan anaknya sendiri iaitu 'Abdullah b Aḥmad yang mengatakan bahawa dia pernah mendengar daripada bapanya Imam Aḥmad berkata bahawa beliau lebih menyukai hadith ḏa'īf berbanding sesuatu pandangan.²³

Manakala **Imam Abū Daud al-Sijistānī (w.275H)** turut mengikuti pandangan gurunya Imam Aḥmad b Ḥanbal yang beramal dengan hadith ḏa'īf. Beliau akan meriwayatkan sanad-sanad yang ḏa'īf sekiranya tiada hadith lain pada bab hadith yang lain, kerana beliau berpandangan bahawa hadith yang ḏa'īf itu lebih kuat daripada pandangan seseorang lelaki.²⁴ Kemudian, **Kamāl al-Dīn Ibn al-Hammām (w.861H)** pula berpandangan bahawa sesungguhnya *al-Istiḥbāb*²⁵ ditentukan berdasarkan hadith ḏa'īf bukan *mawdū'*.²⁶ Terakhir, **Muḥammad Mu'īn bin Muḥammad al-Amīn (w.1161H)**, yang berpandangan hadith ḏa'īf boleh dijadikan hujjah, bahkan lebih diutamakan daripada *ijmā'* dan fatwa sahabat. Beliau berkata mengambil hadith ḏa'īf lebih utama berbanding mengambil *ijmā'*.²⁷

¹⁹ Abū 'Umar Yūsuf bin 'Abdullah bin Muḥammad bin 'Abd al-Bar al-Numarī al-Andalūsī, *al-Tamhīd Limā fī al-Muwaṭṭa'* min al-Ma'ānī wa al-Asānīd (Maghribi: Wazārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1967), 1: 2.

²⁰ Hadith yang *musnad* ialah hadith yang jelas bersambung sanadnya sehingga Nabi SAW. Boleh jadi hadithnya ṣahīh, ḥasan, atau ḏa'īf. Untuk keterangan lanjut boleh rujuk karya Dr. Luqmān al-Ḥakīm al-Indūnīsī al-Azharī kitab *Bulūgh al-Umniyyah fī Sharḥ al-Mandhūmah al-Bayqūniyyah*, cetakan pertama 2017.

²¹ Abū Bakr bin al-'Arabī al-Mālikī, *Āriḍah al-Āḥwadhī bī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī* tahnīq. Jamāl Mar'ashlī (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 1: 199.

²² 'Abd al-Karīm bin 'Abdullah bin 'Abd al-Raḥman al-Khuḍayr, *al-Ḥadīth al-Ḍa'īf wa Ḥukm al-Iḥtijāj Bihi*, 87-89.

²³ Muḥammad bin Abū Bakr bin Ayyūb bin Sa'ad Ibn Qayyim al-Jawziyah, *I'lām al-Mawqi'īn An Rabb al-Ālamīn*, tahnīq. Muḥammad 'Abd al-Salām Ibrāhīm (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991), 1: 61.

²⁴ 'Uthmān bin 'Abd al-Raḥman Taqiyuddīn Ibn Ṣalāh, *Ma'rīfah Anwā' Ulūm al-Ḥadīth* (Syria: Dār al-Fikr, 1986), 36.

²⁵ *Al-Istiḥbāb* di dalam ayat di atas adalah perkara-perkara sunat.

²⁶ Kamāl al-Dīn bin al-Hammām al-Hanafī, *Sharḥ Fatḥ al-Qadīr* (Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī, 1969), 2: 133.

²⁷ Muḥammad Mu'īn bin Muḥammad al-Amīn, *Dirāsāt al-Labīb fī al-Uswah al-Hasanah bi al-Habīb* (Lāhour: t.p., 1858), 69.

Maka, selain daripada ulama-ulama ini mereka membolehkan berhujjah dengan hadith da'if secara mutlak.

Pendapat kedua: Sebahagian ulama dari kalangan ahli ilmu berpandangan bahawa hadith da'if tidak diamalkan secara mutlak pada hukum-hakam, *fadā'il*, *targhib* dan juga *tarhib*.

Golongan ini berpandangan bahawa hadith *da’if* ini mempunyai sangkaan yang *marjūh* (cacat) sedangkan Allah taala mencela perkara-perkara berbentuk sangkaan dalam beberapa ayat-Nya di dalam al-Quran seperti firman-Nya:

وَمَا يَتَّبِعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنَّاً إِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنْ آلَ حَقٍّ شَيْءًا إِنَّ اللَّهَ عَلَيْمٌ بِمَا يَفْعَلُونَ ٣٦

Surah Yūnus 10: 36

Terjemahan: *Dan kebanyakannya mereka, tidak menurut melainkan sesuatu sangkaan sahaja, (padahal) sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran (i’tiqād). Sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang mereka lakukan.*

Allah SWT berfirman lagi,

وَإِنْ تُطِعَ الْكُثُرَ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضْلُوكُهُ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظُّنُنُ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ

Surah al-An‘ām 6: 116

Terjemahan: *Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah, tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta.*

Daripada Abū Hurayrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ، فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ

Terjemahan: *Berwaspadalah kalian dengan prasangka, kerana sangkaan itu adalah ungkapan yang paling dusta.*²⁸

Ulama yang berpegang dengan pendapat ini adalah seperti **Yahya bin Ma'in**, di mana Ketika membincangkan mengenai kethiqahan Muḥammad bin Ishāq, Ibn Sayyid al-Nās menjelaskan bahawa antara orang yang diriwayatkan daripadanya yang menyamakan

²⁸ Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī al-Ju‘fī, *al-Jāmi‘ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasūlillah SAW wa Sunanīhi wa Ayyāmīhi* (t.t.: Dār Ṭūq al-Najāh, 2001), Bāb Qawl Allah Ta‘āla: Min Ba‘dī Wasiyyah Yūsī bihā aw Dayn, 4: 4.

antara hukum hakam dan selainnya ialah Yahya bin Ma'īn.²⁹ Seterusnya, tindakan **Imam al-Bukhārī** jelas pada penulisan kitab saihnya dengan meletakkan syarat yang ketat pada menilai perawi. Beliau tidak akan meriwayatkan dalam kitab saihnya hadith-hadith yang ḏa'īf. Menunjukkan bahawa beliau tidak beramal dengan hadith yang ḏa'īf. Manakala **Imam Muslim al-Hajjāj**, jelas pada *muqaddimah* saihnya yang mengeji periwayatan yang ḏa'īf menunjukkan bahawa beliau menolak secara mutlak berhujjah dengan hadith ḏa'īf.³⁰

Pendapat Ketiga: Pendapat pertama dan kedua lebih menunjukkan sama ada hadith ḏa'īf itu diterima dan ditolak tetapi pendapat ketiga ini adalah pendapat majoriti ulama yang tidak berhujjah dengan hadith ḏa'īf dalam halal dan haram tetapi berhujjah dalam *fadā'il*, *targhib* dan *tarhib*. Pandangan ini dinisbahkan kepada Imam al-Nawawī rhm dalam kitabnya *al-Azkār* kepada ulama hadith, *fuqahā'* dan lainnya. Bahkan, beliau menyatakan kesepakatan ulama dalam *muqaddimah* kitabnya *al-Arba'īn*.³¹

Imam Ibn Ḥajar al-Haytamī berpandangan bahawa hadith ḏa'īf jika ṣahīḥ maka ia boleh diamalkan. Sekiranya ia membawa kepada kerosakan dari aspek menghalalkan atau mengharamkan dan mengabaikan hak orang lain maka ia tidak boleh diamalkan. Menurut Shaykh Muḥammad 'Awwāmah majoriti para imam *mutaqaddimīn* dan *mutaakhirīn* membolehkan beramal dengan hadith ḏa'īf.³² Timbul persoalan sama ada dibolehkan beramal itu hanya sekadar boleh atau digalakkan? Maka untuk menjawab perkara ini Shaykh Muḥammad 'Awwāmah membahagikan jawapannya kepada dua kelompok. Pertama ialah kelompok dari kalangan ulama *mutaqaddimīn* dan yang kedua dari kelompok yang membolehkan berdasarkan keadaan semasa. Adapun kelompok pertama ini terbahagi kepada tiga pandangan:³³

Pertama: Pandangan Imam al-Bukhārī, Ibn 'Arabī, Imam al-Nawawī dan Ibn al-Hammām: Mereka menyatakan digalakkan beramal dengan hadith ḏa'īf. Beliau menyebut Imam al-Bukhārī mengisyaratkan kepada istīḥbāb beramal dengan hadith ḏa'īf dalam kitab saihnya di bawah bab yang kedua belas daripada *kitāb al-Salāh* iaitu *Bāb Mā Yudhkar fī al-Fakhḍhi*. Dalam bab tersebut terdapat hadith yang diriwayatkan oleh Anas b Mālik bahawa Nabi SAW melalui suatu jalan yang sempit lalu baginda menyelak kainnya sehingga terlihat lututnya yang putih. Disebutkan juga hadith Jarhad bin Rizāḥ al-Aslāmī berkenaan "al-Fakhzī 'Awrah" dan Imam al-Bukhārī menyebutkan hadith Anas lebih kuat dan hadith

²⁹ Ibn Sayyid al-Nās, *Uyūn al-Athar fī Funūn al-Maghāzī wa al-Shamā'il wa al-Siyar* (Beirūt: Dār al-Qalam, 1993), 1: 15.

³⁰ Abd al-Karīm bin 'Abdullah bin 'Abd al-Rahmān al-Khuḍayr, *al-Ḥadīth al-Ḍa'īf wa ḥukm al-Iḥtijāj Bihi*, 260.

³¹ Muḥammad 'Allān al-Siddīqī, *Futūḥāt al-Rabbāniyyah 'Alā al-Azkār al-Nawawīyyah* (Mesir: Maṭba'ah al-Sā'ādah, 1928), 1: 82.

³² Muḥammad 'Awwāmah, *Ḥukm al-'Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa'īf*, 68.

³³ *Ibid.*

Jarhad lemah disebabkan berlaku *iḍtirāb*. Walaupun begitu, dalam hal pengamalan ternyata hadith Jarhad dirasa lebih berhati-hati dalam beragama. Hal ini tampak jelas pada *muqaddimah Bāb Mā Yudhkar Fī al-Fakhḍhi* dalam ṣaḥīḥ al-Bukhārī yang menyebut (وَحَدِيثُ حَرْهَدٍ أَحْوَطُ حَتَّىٰ يُخْرَجَ مِنَ الْخَلَاقِ). Berdasarkan keterangan ini, mesti diambil berat beberapa perkara iaitu:³⁴

- a) Imam al-Bukhārī beramal dengan hadith ḏa'īf.
- b) Bahkan, beliau menggalakkan beramal dengan hadith ḏa'īf
- c) Bahkan, beliau lebih mendahului hadith ḏa'īf daripada hadith ṣaḥīḥ.
- d) Bila terdapat dua hadith salah satunya ḏa'īf dan satu lagi ṣaḥīḥ dan secara zahirnya bertentangan Imam al-Bukhārī akan menghimpunkannya (*Jama'*).

Kedua: Pandangan kelompok kedua pula ialah kelompok yang tidak membuat apa-apa pernyataan mengenai isu hukum beramal dengan hadith ḏa'īf seperti Imam Yahya b Ma'īn, Imam Muslim, Imam Abu Zur'ah al-Rāzī, Imam Abu Ḥātim al-Rāzī dan anaknya, al-Bazzār, Abū Zakariyya al-'Anbarī, Ibn Ḥazm dan al-Dhahabī. Tetapi mereka juga tidak membuat penafian pada perkara tersebut.

Ketiga: Sebahagian ulama tidak menyatakan secara jelas bahawa boleh beramal dengan hadith ḏa'īf. Tetapi ianya dapat dilihat melalui penggunaan lafaz-lafaz mereka yang menunjukkan bahawa mereka membolehkan beramal dengan hadith ḏa'īf. Sebagai contoh, boleh dilihat pada perkataan Imam Sufyān al-Thawrī yang menyebutkan tentang *raghā'ib* dan *faḍā'il*, Ibn 'Arabī yang menyebutkan perkataan-perkataan seperti adab, *maw'izah* dan *zuhud*. Selain itu, boleh juga lihat perkataan Imam Sufyān b 'Uyaynah tentang pahala, Ibn Mahdī yang menyebutkan tentang dosa, pahala dan juga *faḍā'il*, Imam Ibn Khuzaymah dalam pembahagian bab *al-Du'a' fī Yawm 'Arafah*, Imam Abū Daud dalam bab-bab yang membahaskan tentang hukum yang sunat dan makruh, dan lain-lain. Maka, kesemua kenyataan ini adalah pendirian mereka yang menunjukkan bahawa kesemua ulama ini membolehkan beramal dengan hadith ḏa'īf pada hal yang berkaitan *faḍā'il*, *targhib*, dan juga berkaitan dengan pahala bahkan kesemua mereka menggalakannya.

Kelompok kedua ialah mereka yang membolehkan berdasarkan keadaan semasa, maka mereka ini dirujuk sebagai *fuqahā'*. Hal ini kerana mereka akan mengeluarkan hukum berdasarkan situasi tempat mereka. Oleh sebab itu, mereka akan berpegang dengan hadith yang ṣaḥīḥ dan mereka juga berpegang dengan hadith yang ḏa'īf. Hukum yang dimaksudkan adalah hukum-hukam yang masih berada dalam lingkungan harus. Kemudian Shaykh Muḥammad 'Awwāmah mengatakan bahawa untuk beramal dengan hadith yang ḏa'īf dalam hukum tersebut mestilah tidak ada hadith lain selainnya, mestilah mempunyai

³⁴ *Ibid.*, 69-70.

hadith-hadith lain sebagai sokongan (*Shāhid*), tajuk sesuatu hukum itu mestilah masih lagi dalam bab kehati-hatian (*iḥtiyāt*), maka barulah boleh berhujjah dengannya.³⁵

Berdasarkan keterangan di atas, dapat disimpulkan bahawa sebenarnya ulama-ulama terdahulu juga membolehkan beramal dan berhujjah dengan hadith ḏa'īf. Oleh kerana itu, mereka menulis kitab-kitab yang di dalamnya telah dimuatkan dengan hadith-hadith yang ḏa'īf walaupun mereka telah menulis dan membukukan hadith-hadith yang ṣahīh. Maka, apabila mereka meriwayatkan sesuatu hadith ḏa'īf tersebut secara tak langsung perkara itu boleh disebarluaskan dan dibolehkan dalam beramal mahupun hujjah berdasarkan syarat-syarat yang tertentu. Walaupun hadith tersebut digunakan sebagai pendalilan dalam melakukan *istinbāt* hukum-hakam. Disebabkan itu, Shaykh 'Abd al-Fattāh bin Ṣāliḥ Qudaysh al-Yāfi'i menyebutkan di dalam *al-Tamadhhūb* bahawa kebanyakan imam-imam menukilkan dalam kitab-kitab mazhab mereka bahkan mereka mengeluarkan hukum berdasarkan hadith yang ḏa'īf. Hadith ḏa'īf tersebut bukanlah yang diperselisih ulama pada kedā'īfannya bahkan para ulama sepakat atas kedā'īfannya.³⁶

Ketiga: Isu Penolakan Total Hadith ḏa'īf Dalam Semua Aspek

Dalam konteks hari ini, dalam menyampaikan sesuatu pandangan tentang agama terutama bidang hadith, terdapat sebahagian ulama dan pakar hadith yang hanya menyampaikan sebahagian sahaja dari ilmu lalu menyembunyikan sebahagian lagi demi menjaga kepentingan aliran mereka.³⁷ Seolah-olah aliran mereka yang telah ditapis itu adalah yang paling benar dan tepat dalam mengikuti manhaj *Salaf al-Sāliḥ*.

Bagi ilmuwan yang menolak hadith ḏa'īf secara total mereka menisbahkan pandangan kepada Imam Yahya bin Ma'īn, Imam Ibn al-'Arabī, Imam al-Bukhārī, Imam Muslim dan Imam Ibn Ḥazm. Perkara ini seperti mana disebutkan oleh al-'Allamah Jamāl al-Dīn al-Qāsimī dalam *Qawā'id al-Taḥdīth*.³⁸ Berpandukan pandangan yang menolak hadith ḏa'īf secara total ini Shaykh Muḥammad 'Awwāmah telah menukilkan pula pandangan daripada Imam al-Kawtharī dalam kitab beliau yang berjudul *Maqālāt*. Imam al-Kawtharī menyebutkan di bawah perbahasan "Kalimah ḥawl al-ḥadīth al-ḍa'īfah" bahawa penolakan total hadith ḏa'īf ini juga dinisbahkan kepada Abū Shāmāh al-Maqdisī dan al-Shawkānī. Tetapi, beliau menambahkan bahawa Imam al-Shawkānī tidak berhujjah dan tidak menjadikan hadith ḏa'īf sebagai sandaran. Walaupun begitu, di dalam penulisan

³⁵ Imam al-Zarkashī, *al-Nukat 'Ala Ibn Salāh*, tahqīq. Zayn al-'Ābidīn (t.t.: Aḍwā' al-Salaf, 2008), 3: 879-888.

³⁶ 'Abd al-Fattāh bin Ṣāliḥ Qudaysh al-Yāfi'i, *al-Tamadhhūb: Dirāsah Ta'sīliyyah Muqārinah lil Masā'il al-Muta'alliqah bi al-Tamadhhūb* (Kaherah: Dār al-Ṣāliḥ, 2017), 282.

³⁷ Muḥammad 'Awwamah, *Aṭhar al-Ḥadīth al-Sharīf fī Iktilāf al-A'imma al-Fuqahā'* (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2009), 60-61.

³⁸ Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *Qawā'id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth* (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2004), 165.

al-Khawtharī yang lain beliau menyebutkan bahawa Imam al-Shawkānī berhujjah dan menjadikan hadith ḏa'īf sebagai sandaran.³⁹

Dapat disimpulkan bahawa Imam al-Qāsimī dan Imam al-Khawtharī menukilkhan pandangan-pandangan ini daripada para imam tersebut, tetapi mereka berpendapat boleh beramal dengan hadith ḏa'īf berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Hal ini, dinyatakan pada penghujung perbahasan kitab mereka. Shaykh Muḥammad 'Awwāmah juga berpandangan bahawa tidak terdapat perkataan yang jelas terhadap penolakan beramal dengan hadith ḏa'īf secara total daripada imam-imam terdahulu yang meneladani bidang hadith. Bahkan, pandangan yang dibawa oleh para imam tersebut memang terdapat perselisihan (*fīhi Nāzār*) yang masih boleh diperbincangkan lagi.

Menurut Shaykh Muḥammad 'Awwāmah lagi setiap hadith yang zahir⁴⁰ sanadnya sahih tidak diterima kecuali apabila hadith tersebut telah diteliti dari aspek sanad dan matan. Maka apabila tidak terdapat *al-Nakārah* (kecacatan) sama ada pada sanad atau matan maka barulah hadith tersebut dianggap sahih. Kemudian, sekiranya setiap hadith yang zahir sanadnya ḏa'īf tidak boleh terus ditolak hanya kerana sanadnya yang lemah, ini kerana hadith yang dikira sahih adalah hadith yang memenuhi lima syarat yang telah disepakati ulama *usūl al-ḥadīth*.⁴¹

Berdasarkan hasil dapatan yang telah pengkaji temui pendapat mereka yang mengatakan bahawa hadith ḏa'īf itu ditolak secara total adalah kurang tepat. Sebagai contoh, Imam al-Bukhārī telah menulis sebuah kitab yang berjudul *al-Adab al-Mufrad* yang mana di dalamnya telah dimuatkan dengan hadith-hadith yang ḏa'īf selain hadith *ṣaḥīḥ* dan juga ḥasan. Selain itu, Imam Muslim juga beramal dengan hadith ḏa'īf sebagaimana yang menjadi amalan beliau dalam menyusun kitab sahih Muslim adalah beliau akan memilih hadith-hadith yang mu'tamad menurut beliau sebagai hujjah dalam beramal. Ini bertepatan dengan pandangan Imam al-Nawawī⁴² dan Imam al-Qurtubī⁴³ mereka berpandangan bahawa Imam Muslim menutup setiap bab dalam kitab sahihnya dengan hadith yang mu'tamad disisinya dari segi hukum fiqh.

Hal ini kerana, metode Imam Muslim dalam nak menjelaskan matan beliau akan mengemukakan hadith *mu'allal* (ḍa'īf) terlebih dahulu di awal bab dan meletakkan hadith yang kuat di akhir bab. Tetapi jika beliau mahu menjelaskan pada sanad maka beliau akan mendahulukan hadith yang kuat terlebih dahulu dalam setiap bab dan meletakkan hadith

³⁹ Muḥammad 'Awwāmah, *Hukm al-'Amal bi al-Hadīth al-Ḍa'īf*, 136.

⁴⁰ Zahir disini bermaksud terpenuhi padanya 3 syarat utama hadith maqbūl.

⁴¹ Muḥammad 'Awwāmah, *Hukm al-'Amal bi al-Hadīth al-Ḍa'īf*, 33.

⁴² Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *al-Minhāj bi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj* (Mesir: Matba'ah al-Miṣriyyah, t.t.), 9: 103.

⁴³ Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr bin Farḥāt al-Anṣārī al-Qurtubī, *al-Jāmi' al-Aḥkām al-Qurān*, tahqīq. Aḥmad al-Bardūnī dan Ibrāhīm Atṭaysh (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964), 3: 208.

yang da'if di akhir bab.⁴⁴ Sebagai contoh hadith di bawah Kitāb al-Imān pada bab *Mukhāfah al-Mu'min an Yaḥbiṭa 'Amaluh*, seperti berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ مُوسَى، حَدَّثَنَا حَمَادُ بْنُ سَلَمَةَ، عَنْ ثَابِتِ الْبُنَانِيِّ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّهُ قَالَ لَمَّا نَزَّلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ: {يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ} [الحجرات: ٢] إِلَى آخِرِ الْآيَةِ، جَلَسَ ثَابِتُ بْنُ قَيْسٍ فِي بَيْتِهِ، وَقَالَ: أَنَا مِنْ أَهْلِ النَّارِ، وَاحْتَسَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَسَأَلَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَعْدَ بْنَ مُعاذَ، فَقَالَ: «يَا أَبَا عَمْرُو، مَا شَانُ ثَابِتٍ؟ اشْتَكَى؟» قَالَ سَعْدٌ: إِنَّهُ لِجَارِيٍّ، وَمَا عَلِمْتُ لَهُ بِشَكْوَىٰ، قَالَ: فَأَتَاهُ سَعْدٌ، فَذَكَرَ لَهُ قَوْلَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ ثَابِتٌ: أُنْزِلْتُ هَذِهِ الْآيَةُ، وَلَقَدْ عِلِّمْتُمْ أَنِّي مِنْ أَرْفَعِكُمْ صَوْتًا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَنَا مِنْ أَهْلِ النَّارِ، فَذَكَرَ ذَلِكَ سَعْدٌ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «بَلْ هُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ»

Terjemahan: *Abū Bakr bin Abū Shaybah menceritakan kepada kami, al-Hasan bin Mūsa menceritakan kepada kami, Ḥammād bin Salamah menceritakan kepada kami daripada Thābit al-Bunānī daripada Anas bin Mālik, bahawa beliau berkata ketika turunnya ayat ini, “Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suara kamu melebihi suara Nabi (al-Hijurāt: 2) hingga akhir ayat. Thābit bin Qays yang berada dirumahnya lalu berkata: “Aku ini termasuk dari kalangan ahli neraka!”. Kemudian, beliau sering menjauhkan diri daripada baginda Nabi SAW sehingga Nabi SAW bertanya kepada Sa'ad bin Mu'ādh: “Wahai Abū 'Amrū bagaimanakah keadaan Thābit? Apakah beliau sakit?. Sa'ad menjawab, “keadaannya seperti biasa dan aku tidak mendengar berita yang menyatakan beliau sakit”. Anas berkata, lalu Sa'ad pun menziarahi Thābit dan menceritakan tentang perbicaraan beliau dengan Rasulullah SAW. Thābit berkata, “Ayat ini diturunkan sedangkan kamu semua mengetahui bahawa aku mempunyai suara yang amat tinggi melebihi suara Rasulullah SAW. Kalau begitu aku termasuk dari ahli neraka. Maka Sa'ad pun menceritakan perihal tersebut kepada*

⁴⁴ Muhammad 'Awwamah, *Min Manhaj al-Imām Muslim fī Araḍi al-Ḥadīth al-Mu'allal fī Ṣaḥīḥi* (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017), 24.

*Rasulullah SAW. Baginda bersabda, bahkan beliau termasuk dari kalangan ahli syurga.*⁴⁵

Di dalam hadith di atas, terdapat dalam matannya sahabat yang bernama Sa'ad bin Mu'ādh yang mana beliau telah wafat pada tahun 5H. Sedangkan ayat 2 surah al-Hujurāt turunnya pada tahun ke 9H. Maka, mustahil Nabi SAW bertanyakan soalan kepada orang yang sudah meninggal mengenai Thābit bin Qays. Oleh itu, berkemungkinan Imam Muslim akan beramal dengan hadith yang ḏa'īf kerana fiqh Imam Muslim adalah hadith di akhir bab. Menurut pengkaji pandangan Shaykh Muḥammad 'Awwāmah lebih *mu'tadil*, teliti dan tepat. Para pengkaji juga perlu memahami bahawa hadith *ṣahīh* yang dimaksudkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya adalah hadith-hadith *Usūl*.

Keempat: Isu Kempen “Semak Status Hadith Sebelum Sebar”

Media sosial merupakan alat komunikasi yang amat penting pada masa kini yang mana ianya berperanan sebagai saluran untuk menyampaikan sesuatu maklumat, menjadi pengantara kepada ahli keluarga serta rakan-rakan, dan menjadi tempat perbincangan tentang sesuatu perkara sama ada dalam hal pekerjaan mahupun hal keagamaan. Dengan kemodenan teknologi dan perkembangan alat komunikasi masa kini, pelbagai berita atau maklumat dapat disebarluaskan dengan begitu cepat tidak kira dimana atau berapa jauh jarak sekalipun antara pengirim dan penerima berada.

Namun, sejak kebelakangan ini, muncul banyak maklumat atau pengkhabaran yang dipaparkan menerusi whatsapp, facebook, telegram dan yang seumpamanya tersebar dengan pantas tanpa sempadan. Sehinggakan tersebar juga berita-berita mengenai agama melalui alat komunikasi ini secara tak langsung. Perkara ini pada awalnya positif bila masyarakat mudah untuk berkongsi ilmu masing-masing yang diperolehi daripada pengajian mereka. Tetapi lama-kelamaan unsur-unsur yang negatif juga mula masuk dalam berita-berita atau maklumat melalui tangan-tangan yang tidak bertanggungjawab. Lebih teruk lagi, terdapat hadith-hadith dan cerita-cerita dalam agama yang disampaikan berupa pembohongan dan tidak berasas dan seterusnya ia mula memberikan kesan terhadap pengamalan individu dan masyarakat tertentu.

Oleh itu, terdapat sebahagian pihak yang cuba membina beberapa program web bagi membolehkan masyarakat menyemak status-status hadith⁴⁶ sebelum disebarluaskan kepada kaum kerabat, rakan-rakan dan seumpamanya melalui alat peranti masing-masing. Usaha ini bagus dari satu sudut tetapi dari sisi lain seolah-olah pihak ini cuba membuka

⁴⁵ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Īmān, Bab Mukhāfah al-Mu'min Yaḥbiṭa 'Amaluhu, no. Hadith ١١١. Lihat Muslim bin al-Ḥajjāj, "Ṣaḥīḥ Muslim", taḥqīq. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī (Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāث al-'Arabī, t.t.) 1: 110.

⁴⁶ "Semak Hadis Dengan Mudah," laman sesawang *Semakhadis.com*, dicapai 1 Disember 2017, <http://semakhadis.com/about/>.

seluas-luasnya pintu ijtihad kepada masyarakat awam dalam perkara yang khusus dalam cabang ilmu.⁴⁷

Hal ini kerana, pengkaji berpandangan bahawa laman-laman web seperti ini bermanfaat tetapi dari sudut perlaksanaan ianya masih belum begitu sesuai untuk masyarakat awam. Masyarakat awam. Ini kerana mereka belum mampu untuk melakukan proses takhrij secara sendirian melainkan mereka perlu merujuk kepada ulama atau sarjana. Selain itu, perbincangan mengenai sanad hadith tidak disertakan dengan panjang lebar dan terperinci berdasarkan pelbagai aspek. Admin laman web berkenaan hanya mendatangkan beberapa pandangan ulama hadith sahaja, untuk melakukan penyelidikan dan kajian laman web seperti ini amat tidak sesuai untuk dijadikan sandaran atau sumber utama. Pendek kata, usaha semak status hadith sebelum sebar kempen ini perlu dilakukan secara berperingkat, bukan masyarakat awam sendiri yang semak sendirian tetapi perlu juga dirujuk kepada ulama atau sarjana yang pelbagai dan layak.

Berdasarkan hujjah di atas, pengkaji menukilkan pandangan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dalam *muqaddimah Athar Al-Ḥadīth*⁴⁸ yang mana beliau menceritakan perihal seorang pemuda mekanik yang berjumpa dengannya berbicara tentang hadith. Ketika menyebutkan nama-nama ulama si pemuda telah menyebutkan sebutan yang salah. Jika nama ulama pun beliau boleh tersilap maka ini tidak mustahil untuk beliau tersilap dalam memahami teks hadith. Maka, ini menunjukkan keterbukaan yang diberikan kepada masyarakat untuk bersibuk-sibuk dalam perkara dalil atau hadith adalah satu usaha yang kurang tepat. Untuk menutup isu ini pengkaji menukilkan *qawl* Imam al-Shāṭibī dalam *al-Muwāfaqāt*:⁴⁹

قول المحتهد بالنسبة للعامي كالدليل بالنسبة للمحتهد

Terjemahan: *Pandangan Imam Mujtahid adalah sumber kepada orang awam sepertimana dalil merupakan seumber kepada Imam Mujtahid.*

Justeru itu, memadailah untuk orang awam merujuk kepada pandangan ulama yang pakar tanpa perlu bersibuk-sibuk bertanya kepada dalil hadith dan seumpamanya. Tidak salah usaha menggalakkan *takhrij* tetapi bukanlah kepada orang awam kerana ditakuti mereka akan mula mengeluarkan hukum berdasarkan akal fikiran mereka.

Kelima: Isu Bermudah-mudah Dalam Menetapkan Keḍa'ifan Sesuatu Hadith

Isu bermudah-mudah dalam menetapkan keḍa'ifan sesuatu hadith ini berlaku apabila terdapat segelintir masyarakat yang mula berjinak-jinak dengan hadith. Mereka telah

⁴⁷ Penerangan dari Ustaz Adlan Abd Aziz. Ketika beliau membahaskan *Alfiyah Trāqī* di Tirmidhi Centre pada 16 Disember 2017.

⁴⁸ Muḥammad ‘Awwāmah, *Athar al-Ḥadīth al-Shārif fī Ikhtilāf al-A’immah al-Fuqahā’*, 10-11.

⁴⁹ Abū Ishaq Ibrāhīm bin Musa al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Shari‘ah*, taḥqīq. Shaykh Ibrāhīm Ramaḍān (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 2001), 638-639.

memilih pandangan ulama yang dirasakan sesuai dengan manhaj mereka sahaja barulah ianya diterima dan dijadikan pegangan. Sekiranya tidak maka mereka akan mudah mendaf'ifkan dan sebaliknya, tidak kiralah sama ada dari kelompok *tashaddud* dan kelompok *tasāhul*.

Perkara ini menjadi lebih serius apabila wujud golongan yang disanjung sebagai pakar hadith telah menyeleweng fakta-fakta daripada perkataan-perkataan para imam. Lalu diterima bulat-bulat oleh orang awam kerana keterbatasan mereka dalam memahami teks-teks Arab. Sebagai contoh, isu umur Saydatina 'Aishah yang mana telah dibuat satu kertas kerja yang berjudul "Analisis Umur Aishah R.A Ketika Berkahwin, Melalui Neraca Riwayah Dan Dirayah" oleh Mawlānā Asri Yusoff. Dalam makalah beliau menyebut bahawa riwayat-riwayat tentang umur Saydatina 'Aishah ketika berkahwin adalah enam tahun itu ḏa'īf kerana Hishām bin 'Urwah seorang yang dipertikaikan.⁵⁰ Bagaimana kenyataan seperti ini boleh diucapkan dan dibukukan? Sejak bila logik akal dijadikan sebagai dalil dan hujjah dalam perkara ini? Sedangkan di antara hadith-hadith tersebut merupakan hadith daripada riwayat Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim. Perkara in telah pun disebutkan oleh Imam al-'Irāqī di dalam karyanya *Alfiyah*⁵¹ pada perbahasan *Marātib al-Saḥīḥ*:

وَأَرْفَعُ الصَّحِّحَ مَرْوِيُّهُمَا ... ثُمَّ الْبُخَارِيُّ، فَمُسْلِمٌ، فَمَا
شَرْطُهُمَا حَوَى، فَشَرْطُ الْجُعْفَى ... فَمُسْلِمٌ، فَشَرْطُ غَيْرِ يَكْفِي
وَعِنْدَهُ التَّصْحِيحُ لَيْسَ يُمْكِنُ ... فِي عَصْرَنَا، وَقَالَ يَحْمَى: مُمْكِنٌ

Terjemahan: *Dan hadith saḥīḥ yang paling tinggi ialah yang terdapat dalam riwayat Shaykhān. Kemudian, riwayat al-Bukhārī, seterusnya riwayat Muslim. Kemudian, riwayat yang memenuhi syarat al-Bukhārī dan Muslim. Kemudian, riwayat yang memenuhi syarat al-Bukhārī. Kemudian, riwayat yang memenuhi syarat periwayatan Muslim. Terakhir, ialah riwayat yang memenuhi syarat imam-imam lain yang meriwayatkan sahih.*

Setelah itu, di rangkap yang terakhir Imam al-'Irāqī menukilkan pandangan Ibn Salāḥ dengan ringkas bahawa "Untuk menilai ḏa'īf dan ṣaḥīḥ hadith pada zaman sekarang adalah sesuatu yang tidak mungkin berlaku" dan qawl Imam Sharaf bin Yaḥya al-Nawawī mengatakan ianya mungkin berlaku. Oleh itu, adakah Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim tidak mengetahui tentang Hishām bin 'Urwah? Walhal mereka Imam dalam ilmu hadith dan cabangnya? Jadi pemahaman ini perlu dimurnikan semula agar tidak menyanggahi kaedah ulama terdahulu yang menjadi rujukan mu'tabar masa kini.

⁵⁰ Muhammad Asri Yusoff, Analisis Umur Aishah R.A Ketika Berkahwin, Melalui Neraca Riwayah dan Dirayah" (makalah, Seminar Pemurnian Sirah, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, 2 Disember 2017), 94-96.

⁵¹ Zayn al-Dīn 'Abd al-Rahīm bin al-Ḥusayn al-'Irāqī, *al-Tabṣirah wa al-Tadkirah fī ʻUlūm al-Hadīth*, tāḥqīq. al-'Arabī al-Dā'iḥ al-Firyāṭī (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2014), 96.

Perkara ini lebih parah apabila beliau menyebutkan di dalam makalahnya bahawa Imam al-Dhahabī menyebut dalam *Mīzān al-I'tidāl* tentang Hishām bin 'Urwah seperti berikut:⁵²

Hafiz az-Zahabi telah menulis tentang Hisham: “terjadi perubahan dalam ingatannya di akhir usianya, dan Abul Hasan bin Al-Qattan mendakwa bahawa beliau keliru dalam meriwayatkan hadis di akhir usianya” Hafiz Uqayli telah menulis dengan lebih jauh lagi: “dia telah nyanyuk di tahun-tahun akhir kehidupannya”.

Kemudian Mawlānā Asri Yusoff nukilkhan lagi,

Hafiz az-Zahabi menulis bahawa ingatan Hisham yang kuat di waktu mudanya, tidak kekal di usia tuanya. Dan di Iraq dia tidak dapat meriwayatkan hadis dengan baik dan tepat.

Maka, untuk memastikan sama ada perkara ini tepat seperti apa yang dinukilkhan oleh beliau pengkaji cuba membuka karya al-Dhahabī untuk melihat apa yang dituliskan oleh Imam al-Dhahabī sendiri tentang Hishām bin 'Urwah. Berikut teks asal daripada kitab *Mīzān al-I'tidāl*:⁵³

هشام بن عروة، أحد الأعلام، حجة إمام، لكن في الكثير تناقض حفظه، ولم يختلط
أبداً ولا عبرة بما قاله أبو الحسن بن القطان من أنه وسهييل بن أبي صالح احتلطا، وتغييرا.

Terjemahan: *Hishām bin Urwah seorang yang alim, merupakan hujjah dan Imam, tetapi di usia tuanya ingatannya merosot. Tetapi beliau tidak pernah keliru (nyanyuk). Bahkan, tidak perlu diberi perhatian kepada kata-kata Abū al-Hassan bin al-Qaṭṭān bahawa dia (Hishām) dan Suhail bin Abī Šālih menjadi keliru atau berubah (ingatan riwayat).*

Kesimpulan yang dapat diambil bahawa berdasarkan kenyataan sebenar terdapat kesilapan pada nukilan yang dibuat oleh Mawlānā Asri Yusoff dalam makalahnya. Maka, bukan mudah untuk pengkaji moden menetapkan kedā'ifan dan keşahihān sesuatu hadith pada masa kini. Bahkan, sebagaimana yang telah pengkaji datangkan *qawl* Imam al-'Irāqī di awal tadi adalah tidak mungkin berlaku pada zaman kini. Menghukum da'if sesuatu hadith yang telah disepakati para ulama terdahulu adalah sesuatu yang ganjil. Bahkan, isu

⁵² Muhammad Asri Yusoff, Analisis Umur Aishah R.A Ketika Berkahwin, Melalui Neraca Riwayah dan Dirayah” (makalah, Seminar Pemurnian Sirah, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, 2 Disember 2017), 98-99.

⁵³ Muḥammad bin Aḥmad bin Uthmān al-Dhahabī, *Mīzān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1963), 4: 301.

ini juga telah dikupas dan disimpulkan oleh pejabat mufti wilayah persekutuan dalam siri Irsyad al-Hadith ke- 27:⁵⁴

Kesimpulannya, polemik berkaitan usia Aisyah RA ketika mengahwini Rasulullah SAW muncul pada zaman mutaakhir ini. Tambahan pula, bagaimana kita ingin menolak sesuatu riwayat atau hadith yang terdapat di dalam dua buah kitab yang telah menjadi ijma' umat Islam bahawa tidak ada selepas al-Quran kitab yang paling sahih melainkan Sahih al-Bukhārī dan juga Sahih Muslim.

Isu bermudah-mudah dalam menetapkan keda'ifan sesuatu hadith ini perlu diberi perhatian yang jitu kerana ditakuti terlibat dalam melakukan penipuan terhadap kalam baginda Nabi SAW.

Rajah 2.0: Isu-Isu Hadith Da'if Berdasarkan Pemikiran al-Shaykh Muḥammad 'Awwāmah



Sumber: Hasil Analisis

Pemahaman Menyeluruh al-Shaykh Muḥammad 'Awwāmah Terhadap Isu Hadith Da'if

Berdasarkan penelitian yang telah pengkaji lakukan terhadap kitab *Hukm al-'Amal bi al-Hadīth al-Da'īf* dapat dilihat bahawa pemahaman Shaykh Muḥammad 'Awwāmah adalah bersifat *Mu'tadi*. Dalam memahami *Aqwāl* para imam dalam isu hadith da'if beliau akan melakukan saringan demi saringan, penelitian demi penelitian dalam merujuk sumber agar beliau tidak tersalah dalam memahami *murad* para imam dalam penulisan mereka tentang isu berkait hadith da'if.

⁵⁴ Muhammad Mushfique bin Ahmad Ayoub @ Ayub, "Umur Aisyah RA," laman sesawang *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, dicapai pada 15 Disember 2017, <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/irsyad-al-hadith/920-irsyad-al-hadith-siri-ke-127-umur-aisyah-ra>.

Ketika terdapat ulama yang membuang terus hadith *da’if* seolah-olah ianya palsu Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah menjawab isu itu dengan melalui penulisan beliau dengan mendatangkan bukti-bukti yang menolak pandangan tersebut. Walaupun begitu, pada penulisan kitab ini ayat Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah agak sedikit keras dan jelas dalam menyebut individu yang melakukan sedemikian.⁵⁵ Secara keseluruhannya beliau menerima bahawa hadith *da’if* boleh diamalkan pada selain hal yang berkait dengan *al-Aḥkām* dan *al-‘Aqā’id*. Kemudian, beliau membahaskan dengan lebih terperinci tentang syarat para imam hadith dalam isu pengamalan hadith *da’if*.⁵⁶

Persamaan Pemahaman Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah Dengan Ulama Madinah Terhadap Isu Hadith *Da’if*

Dalam melakukan perbandingan di antara persamaan pemahaman Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah ini pengkaji akan membandingkan beliau dengan pensyarah di Universiti Tayyibah di Madinah iaitu Prof. Dr. Khalīl Ibrāhīm Mūlā Khāṭīr. Perkara ini adalah untuk menunjukkan bahawa Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah bukanlah memandai-mandai dalam isu ini dan bukanlah hanya beliau seorang yang mempunyai pemahaman seperti ini dalam isu hadith *da’if* bahkan ramai lagi.

Antara persamaan tersebut ialah Prof. Dr. Khalīl Ibrāhīm Mūlā Khāṭīr tidak menyamakan hadith *da’if* dengan *mawdū’*. Bahkan, beliau telah menulis satu makalah bagi menjawab isu menyamakan hadith *da’if* dengan *mawdū’* berjudul *Khuṭūrah Musāwāh al-Ḥadīth al-Da’īf bi al-Mawdū’*. Menunjukkan bahawa orang yang menyamakan hadith *da’if* dengan *mawdū’* ini telah melakukan jenayah dan mendatangkan bahaya kepada umat. Hal ini bertepatan dengan pandangan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah yang juga tidak menyamakan hadith *da’if* dengan *mawdū’* berdasarkan perkataannya yang berbunyi:⁵⁷

وهذا يتبيّن أن الحديث الضعيف قيمة واعتبارا في نظر أئمّتنا السالفين، كما رأينا، على
خلاف ما يشيّعه بعض الناس اليوم إذ أهدروه مطلقاً وألحقوه بالحديث الموضوع
ونظموا هما في (سلسلة واحدة)! .

Terjemahan: *Dalam perkara ini jelaslah, sesungguhnya hadith *da’if* itu merupakan benda yang penting dan diambil perhatian oleh imam-imam dari kalangan terdahulu (salaf). Seperti mana kita melihat pada hari ini terdapat sebahagian manusia tiba-tiba membuangnya secara total dan menyamakannya (hadith *da’if*) dengan hadith *mawdū’* serta menyusun di dalam satu Silsilah!*

⁵⁵ Muḥammad ‘Awwamah, *Hukm al-Amal bi al-Hadīth al-*da’īf**, 136.

⁵⁶ *Ibid.*, 103-111.

⁵⁷ Muḥammad ‘Awwamah, *Athar al-Ḥadīth al-Sharīf fī Ikhtilāf al-‘immah al-Fuqahā’*, 41.

Justeru itu, didapati bahawa tidak semua ulama Madinah berfahaman bahawa hadith ḏa'īf itu sama dengan mawdū' dan hadith ḏa'īf tidak dapat diamalkan sebagaimana tanggapan ramai tentang ulama Madinah. Bahkan, mereka juga tidak bersetuju serta membantah sesetengah ulama hadith yang tidak menyampaikan ilmu mereka dengan amanah dan adil melalui penulisan-penulisan artikel bagi menjawab segala isu tersebut.

Perbezaan Metodologi Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah Dalam Penerimaan Hadith ḏa'īf Sebagai Hujjah

Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah amat berhati-hati dalam menyatakan sesuatu pandangan kerana dikhuatiri tersalah dalam merujuk kepada sumber. Beliau tidak gopoh dalam melakukan penelitian terhadap penerimaan hadith ḏa'īf sebagai hujjah sebagaimana wujud sesetengah pihak yang terus menolak hadith ḏa'īf dengan menggunakan konsep sama rata terhadap ḏa'īf dan mawdū'.

Perkara ini lebih jelas apabila Shaykh al-Albānī memasukkan hadith ḏa'īf secara bersama dengan hadith mawdū' dalam kitabnya *Silsilah*. Sedangkan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah melihat hadith ḏa'īf ini sesuatu yang berbeza dengan mawdū' dan perlu diasingkan agar tidak mengelirukan masyarakat yang kurang faham dalam ilmu keagamaan. Oleh kerana itu, Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah menyebutkan perkara asas yang perlu dikaji sebelum berhujjah dengan hadith ḏa'īf antaranya ialah perlu melihat kepada yang mampu aspek sanad dan matan.⁵⁸ Kemudian, merujuk pandangan para imam mujtahid dalam isu penghujjah kerana para *fuqhāhā* juga kebiasaan berhujjah dengan hadith ḏa'īf disamping ṣahīh kerana mereka memilih hadith yang bukan sahaja ṣahīh kadang-kadang itu tetapi yang mana lebih sālih untuk dijadikan hujjah.

KESIMPULAN

Menurut Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah penting untuk mendalami ragam pendapat para ulama agar umat Islam memperolehi hikmah dan tauladan bagaimana para ulama menyimpulkan hukum dari sumber utamanya *al-Qurān* dan *al-Hadīth*.⁵⁹ Maka, apa yang boleh pengkaji simpulkan ialah dalam hal yang berkait amalan atau beramal mestilah dirujuk kepada ulama hadith dan juga ulama fiqh.

Hal ini kerana, ulama hadith ini umpama ahli farmasi sedangkan ulama fiqh seperti doktor perubatan. Kedua-duanya saling lengkap melengkapi dalam usaha menyembuhkan sakit yang dialami pesakit. Begitu juga isu beramal dengan hadith ḏa'īf, walaupun terkadang hadith itu ḏa'īf tetapi hadith itu *maqbūl* dalam pengamalan dan penghujjah disisi para imam. Bagi mereka yang kurang bersetuju dengan pandangan ini tidak ada paksaan untuk menerima tetapi janganlah pula dipersalahkan orang lain hanya kerana tidak

⁵⁸ Muḥammad ‘Awwāmah, *Hukm al-‘Amal bi al-Hadīth al-Ḍa’īf*, 33.

⁵⁹ Mardan, “Pemikiran Shaykh Muhamad Awwamah Seputar Keragaman Pendapat Para Fikih Tentang Hadis Rasulullah,” *Jurnal Al-Hikmah Vol.XIV*, no.2 (2013), 232.

sependapat begitulah sebaliknya. Mereka semua imam dan pakar di dalam hal yang terkait hadith ini, maka pengkaji-pengkaji baru perlu bersungguh-sungguh dan jujur dalam memetik pandangan-pandangan para imam. Maka, masyarakat pun akan tenteram daripada perdebatan yang tidak akan berkesudahan jika diteruskan.

Penghargaan: Penghargaan kepada Universiti Malaya kerana artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Universiti Malaya (UMRG Programme) bernombor RP043B-17HNE dengan tajuk penyelidikan: “*Digitalisasi Dan Autentikasi Hadith Dalam Karya-karya Jawi Nusantara*”.

BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Fattāh bin Ṣāliḥ Qudaysh al-Yāfi‘ī, *al-Tamadhhub: Dirāsah Ta’sīliyyah Muqārinah lil Masā’il al-Muta’alliqah bi al-Tamadhhub*, Kaherah: Dār al-Ṣāliḥ, 2017.
- ‘Abd al-Karīm bin ‘Abdullah bin ‘Abd al-Rahmān al-Khuḍayr, *al-Ḥadīth al-Da’īf wa ḥukm al-Iḥtijāj Bihi*, Riyāḍ: Dār al-Minhāj, 2004.
- Abū ‘Abd al-Rahmān Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, *Silsilah al-Āḥādīth al-Da’īfah wa al-Mawdū’ah wa Atharihā al-Sayyi’ fī al-Ummah*, Riyāḍ: Dār al-Ma’ārif, 1992.
- Abū Bakr bin al-‘Arabī al-Mālikī, *Āriḍah al-Ahwadhdī bī Sharh Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, ed. Jamāl Mar’ashlī, Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.
- Abū Faḍhl ‘Abd al-Rahīm ibn al-ḥusayn al-‘Irāqī al-Shāfi‘ī, *al-Tabṣirah wa al-Tadhkirah fī Ullum al-ḥaqqīth*, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2014.
- Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abdullah bin Muḥammad bin ‘Abd al-Bar al-Numarī al-Andalūsī, *al-Tamhīd Limā fī al-Muwaṭṭa’ min al-Ma’ānī wa al-Asānīd*, Maghribi: Wazārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, 1967.
- Arwansyah bin Kirin, “Hadith-hadith Daif dan Palsu dalam Nasa’ih Al-‘Ibad oleh Nawawi Banten: Pengaruhnya Terhadap Masyarakat Islam di Sumatera”. tesis kesarjanaan, Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi‘ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasūlillah SAW wa Sunanīhi wa Ayyāmīhi*, t.t.: Dār Ṭūq al-Najāh, 2001).
- Fadlan Othman, “Dr Fadlan Ajar Ust Azhar Idrus 4 Syarat Amal Hadith Dhaif,” laman sesawang *Youtube*, https://www.youtube.com/watch?v=n_UxR1zNPmI.
- Fathullah Al Haq Muhamad Asni, Jasni Sulong, dan Ammar Ismail. “*Penggunaan Hadis Daif Dalam Fatwa Mengenai Wasiat Di Malaysia Serta Langkah Penyelesaiannya*” *Journal of Hadith Studies* 2 (10 Jun, 2017).
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Nuzhah al-Nażar fi Tawdīḥ Nukhbah al-Fikar fī Muṣṭalah Ahl al-Athar*, Dimashq: Matba‘ah al-Ṣabāḥ, 2000.

- Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *Qawā'id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalah al-Hadīth*, Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2004.
- Jalāl al-Dīn Al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī fī Syarh Taqrīb al-Nawāwī*, taḥqīq Shaykh Muḥammad 'Awwāmah, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2016.
- Johar Arifin, "Pendekatan Ulama Hadis dan Fiqh dalam Menelaah Kontroversial Hadis", *Jurnal Ushuluddin* XXII, no.2 (Julai 2014).
- Mālik bin Anas bin Mālik b. 'Āmir al-Aṣbahī al-Madanī, *Muwaṭṭa' al-Imām Mālik*, taḥqīq. Muḥammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī, Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1985.
- Mardan, "Pemikiran Shaykh Muhammad Awwamah Seputar Keragaman Pendapat Para Fikih Tentang Hadis Rasulullah," *Jurnal Al-Hikmah Vol.XIV*, no.2 (2013).
- Mohd Khafidz Soroni, "Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah: riwayat hidup dan sumbangannya di dalam pengajian Hadith", Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.
- Muhamad Rozaimi Ramle, *Hadis Palsu & Daif dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Karya Bestari, 2016.
- Muhammad 'Abdullah ibn Āl Rashīd , *Imdād al-Fattāh bi Asānīd wa Marwiyyat al-Shaykh 'Abdul Fattāh*, Riyāḍ: Maktabah al-Imām al-Shāfi'i, 1999.
- Muhammad 'Ajjāj al-Khaṭīb, *Ushul al-Hadis*, terj. Qadirun-Nur, Jakarta: Gaya Media, 1998.
- Muhammad 'Allān al-Siddīqī, *Futūḥāt al-Rabbāniyyah 'Ala al-Azkār al-Nawawiyah*, Mesir: Maṭba'ah al-Sa'ādah, 1928.
- Muhammad Asri Yusoff, Analisis Umur Aishah R.A Ketika Berkahwin, Melalui Neraca Riwayah dan Dirayah", makalah, Seminar Pemurnian Sirah, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, 2 Disember 2017.
- 'Awwāmah, Muḥammad, *Athar al-ḥadīth al-Sharīf fī Ikhtilāf al-A'imma al-Fuqahā'*, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2009.
- _____, *Adab al-Ikhtilāf fī Masa'il al-Ilm wa al-Dīn*, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2009.
- _____, *al-Taḥdhīr min at-Tawārid 'ala Qawl Dūna al-Rujū 'ila Maṣādir*, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017.
- _____, *Golden Guidelines in The Path of Knowledge*, terj. Mawlānā 'Muhammad Ibn Mawlānā Hārūn Abāsoomar, Camperdown: AhleSunnah Library, Julai 2012.
- _____, *Hukm al-'Amal bi al-Hadith al-Daīf*, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017.
- _____, *Ma ʕalim Irshādiyyah li Ṣinā'ah Ṭālib al-Ilm*, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2013.
- _____, *Min Manhaj al-Imām Muslim fī 'Araḍī al-Ḥadīth al-Mu'allal fī Saḥīḥi*, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017.
- Muhammad bin Ahmad bin Uthmān al-Dhahabī, *Mīzān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, Beirūt: Dār al-Ma'rifah, 1963.

- Muhammad Mu'īn bin Muhammad al-Amīn, *Dirāsāt al-Labīb fī al-Uswah al-Hasanah bi al-Habīb*, Lāhour: t.t.p., 1858.
- Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Silsilah Hadits Dhai'f dan Maudhu'*, terj. A.M. Basalamah, Jakarta: Gema Insani Press, 1995.
- Muslim bin al-Ḥajjāj Abū al-Hasan al-Qusyayrī al-Naysāburī, *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-‘adl ‘an al-‘adl ila Rasūlullāh ṣollallāhu ‘alayhi wasallam*, Beīrūt: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth.
- Muhyiddīn Muhammad ‘Awwāmah, “A Brief Intro of The Grand Muḥaddith of Our Era: Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah,” telah diterjemahkan oleh Muḥammad ibn Mawlānā Hārūn Abāsoomar, laman sesawang *Al-Miftah*, <http://www.al-miftah.com/shaykh-muhammad-awwamah/>.
- Umar Muhammad Noor, *Fiqh Hadis*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd, 2017.
- “Semak Hadis Dengan Mudah,” laman sesawang *Semakhadis.com*, <http://semakhadis.com/about/>.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā bin Sarwah bin Mūsā bin al-Ḍahāk, *al-Jāmī’ al-Mukhtaṣar min al-Sunan ‘an Rasullillah SAW wa Ma’rifah al-Ṣaḥīḥ wa al-Mā'lūl wa Mā ‘Alayhi al-‘Amal*, tahqīq, Ahmad Shākir, Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī dan Ibrāhīm ‘Atwah ‘Awḍ, Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-ḥalabī, 1975.
- ‘Uthmān bin ‘Abd al-Rahmān Taqiyuddīn Ibn Ṣalāh, *Ma’rifah Anwā’ Ulūm al-Ḥadīth*, Syria: Dār al-Fikr, 1986.
- Yahya bin Sharaf al-Nawawī, *al-Minhāj bi Sharḥ Saḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*, Mesir: Matba’ah al-Miṣriyyah, t.t..
- Al-Zarkashī, *al-Nukat ‘Ala Ibn Salāh*, tahqīq. Zayn al-‘Ābidīn, t.t.: Aḍwā’ al-Salaf, 2008.
- Zayn al-Dīn ‘Abd al-Rahīm bin al-Ḥusayn al-‘Irāqī, *al-Tabṣirah wa al-Tadhkirah fī ʻUlūm al-Ḥadīth*, tahqīq. al-‘Arabī al-Dā’idh al-Firyātī, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2014.